

ISU IBU TUNGGAL

Giat mohon bantuan selepas bekas suami henti bayar nafkah



TANGGUH CARI BANTUAN SELEPAS CERAI: Meskipun bercerai lima tahun lalu, Cik Nur (kiri) hanya berusaha mendapatkan bantuan dengan giat mahu membesarkan empat anaknya yang berusia antara tujuh dengan 20 tahun sejak dua tahun lalu. Beliau berpendapat lebih banyak bantuan harus diberi kepada ibu tunggal dari segi perumahan. - Foto JOHARI RAHMAT

10 May 2015

Berita Harian

SELEPAS hilang tempat bergantung berikutan perceraianya lima tahun lalu, Cik Nur (bukan nama sebenar) terpaksa menghadapi cabaran membesarkan empat anaknya yang masih bersekolah seorang diri.

Namun, beliau hanya mula berusaha mendapatkan bantuan daripada badan khidmat social dengan lebih giat sejak dua tahun lalu selepas bekas suaminya berhenti membayar nafkah kepadanya.

Tanpa pekerjaan tetap, masalah yang dihadapi ibu berusia 45 tahun itu bertambah rumit sehingga mendorongnya keluar mencari pelbagai bantuan bagi menyara hidup keluarga.

Anak sulungnya yang sedang menanti untuk menjalani Perkhidmatan Negara (NS) serta anak keduanya yang merupakan pelajar politeknik turut bekerja sambil bagi mengurangkan beban kewangan keluarga mereka.

Cik Nur juga mempunyai dua lagi anak dalam menengah satu dan darjah satu.

BERSYUKUR DAPAT MACAM-MACAM BANTUAN

"Saya bersyukur ada macam-macam bantuan seperti ini kerana kalau tidak tentu saya rasa tertekan dengan banyak masalah, khususnya masalah kewangan.

"Tapi bagi saya, kalau boleh, lebih banyak bantuan harus diberi kepada ibu tunggal dari segi perumahan selepas mereka bercerai, lebih-lebih lagi seperti saya yang tak ada pekerjaan tetap.

"Kami ibu tunggal bukan suka-suka nak bercerai tetapi kerana keadaan memaksa," ujarnya yang kini bekerja sebagai pegawai pemasaran melalui telefon atau telemarketeer sambilan.

Cik Nur, yang tinggal di sebuah flat sewa dua bilik bersama empat anaknya, terpaksa menumpang bersama saudara-maranya selama lebih setahun sebelum akhirnya berjaya mendapat flat sewa.

Pada tahap awal selepas bercerai, beliau mendapatkan bantuan daripada Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) dan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Namun, setelah dibuang kerja dan tidak mampu membayar hutang sewa flat yang tertunggak, Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) merujuknya kepada skim bantuan kewangan nasional ComCare, yang antara lain, membantunya dari segi subsidi sewa flat, bil air api dan lain-lain.

Selain itu, beliau turut giat mendapatkan bantuan menerusi program seperti Dana Wang Saku Sekolah (SPMF) *The Straits Times*.